



Warta HIKMAH

Untuk Ahli Sahaja

Rejab, Syaaban, Ramadan 1428 H - Julai, Ogos, September 2007

TARBIAH DAN MEDIA DAKWAH HIKMAH

KOPERASI ANIB DAN HIKMAH PERLU KERJASAMA

Oleh Haji Sabri Abang



Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Aziz

Yang DiPertua HIKMAH Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Aziz bin Dato' Haji Husain berkata gandingan Koperasi ANIB dengan HIKMAH perlu dikukuhkan dan sentiasa bekerjasama dalam apa jua aktiviti bagi memantapkan bidang dakwah mahupun penglibatan ahli-ahli dalam perusahaan yang boleh memberi pulangan kepada kedua-dua belah pihak.

Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Aziz bin Dato' Haji Husain berkata demikian dalam ucapannya di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Ke-26 Koperasi ANIB Berhad di Dewan HIKMAH baru-baru ini.

Menurutnya sebagai Ahli-ahli HIKMAH, Ahli-ahli Koperasi juga bertanggungjawab untuk membantu HIKMAH dalam mempertingkatkan lagi dana HIKMAH untuk menjalankan aktiviti-aktiviti terutama dalam aktiviti dakwah.

Menyentuh Koperasi ANIB, Tan Sri Datuk Amar menyeru agar Ahli-ahli Koperasi bekerjasama berganding padu untuk merealisasikan misi dan visi Koperasi, gandingan mantap para anggota dan pihak pengurusan boleh mempercepatkan lagi proses pembangunan dan secara langsung ianya memberi peluang lumayan kepada anggota khasnya dan Koperasi amnya.

Beliau berkata kepimpinan Koperasi harus merapatkan budaya keusahawanan ke dalam koperasi dengan lebih cergas agar ianya menjadi instrumen ekonomi kepada para anggota Koperasi. Justeru itu, Koperasi harus bersedia untuk bersaing dan bukannya menjadi "penonton" kepada kerancakan pertumbuhan ekonomi, koperasi harus bersedia menerjah arus perubahan lanskap, berdaya tahan dan bertindak lebih "cost effective" berbanding sebelumnya.

Penglibatan koperasi dalam aktiviti keusahawanan adalah dianggap sebagai satu bentuk tanggungjawab koperasi terhadap anggotanya, tegas beliau.

Beliau menambah, pentadbir serta pengurusan yang cekap, dedikasi, kreatif, inovatif, proaktif dan amanah perlu ada dalam jentera pengurusan koperasi demi untuk mencapai kesan positif kepada Koperasi.

Beliau berkata dalam dunia globalisasi yang penuh cabaran, koperasi tidak boleh lagi diurus secara tradisional hanya untuk "survival" tetapi ia perlu berkembang, berdaya saing dan mempunyai bidang pengurusan dan perancangan yang cekap dan efisien.



Ahli-ahli Koperasi ANIB sedang mendengar amanat Yang Dipertua HIKMAH, Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Aziz.

KANDUNGAN

| | |
|---------------------------|--------------|
| EDITORIAL | 2 |
| INFORMASI | 3 |
| TAZKIRAH | 4 |
| HELWA | 5 |
| BERITA BERGAMBAR | 6 - 7 |
| AL-QURAN DAN HADIS | 8 |
| KESIHATAN | 9 |
| RENCANA | 10 |
| SEMASA | 11-12 |

SIDANG REDAKSI

Penaung

TAN SRI DATUK AMAR HJ ABDUL AZIZ
DATO HJ HUSAIN
Yang DiPertua

Penasihat

DATU MISNU HAJI TAHA
Setiausaha Agung Kehormat, HIKMAH

Ketua Pengarang

DR. HAJI AZHAR AHMAD

Sidang Pengarang

SARBINI DAHLAN
BAHRUDDIN MANSUR
WAN YUNUS WAN SAIT

Wartawan & Jurugambar

HAJI SABRI ABANG

Jurutaip

DYG. HASIAH AWANG SALLEH

Ibu Pejabat HIKMAH,
Jalan Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia.
• Tel: 082-443993, 443998 • Faks: 082-441150
e-mail: hikmah@po.jaring.my

Pena Pengarang

Ramadhan yang penuh keberkatan kembali menjenguk jiwa-jiwa hamba yang sentiasa hauskan nikmat beribadah dan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Misi ibadah puasa dalam bulan Ramadhan amat jelas dan tegas iaitu agar setiap hamba yang melaluinya akan memperoleh nilai taqwa di sisi Allah S.W.T. Nilai taqwa yang menjadi sumber kemuliaan hamba di sisi Allah S.W.T. merupakan kemuncak kepada proses peribadatan seorang hamba kepada TuhanNya. Kerana itu, ibadah puasa mendapat kedudukan yang sangat istimewa di sisi Allah sehingga Allah S.W.T. sendiri yang menentukan ganjaran atas ibadah puasa hambaNya.

Oleh kerana itu, tujuan dan falsafah ibadah puasa dalam bulan Ramadhan harus difahami dengan sebaik-baiknya oleh setiap orang yang melaluinya agar dengan itu mereka mampu pula menghayati ibadah tersebut secara optima. Sebaliknya kejahanan tentang tujuan dan falsafah ibadah puasa akan mendedahkan kita kepada kemungkinan untuk hanya memperoleh lapar dan dahaga, keletihan dan sikap negatif terhadap ibadah yang mulia ini. Secara umum, ibadah puasa, seperti mana ibadah-ibadah lain adalah bertujuan untuk mendekatkan seorang hamba kepada Penciptanya.

Secara khusus, ibadah puasa sepanjang bulan Ramadhan al-Mubarak mampu menjadi medan tarbiyah yang ampuh untuk menjinak dan melunakkan nafsu rakus dalam diri manusia yang sentiasa mendorong untuk melakukan kejahanan dan kemungkar. Selain itu, amalan menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang menjadi kebiasaan dan kesukaan nafsu ketika berpuasa akan melahirkan jiwa yang tangguh dan kuat bagi menghadapi segala cabaran fizikal dan emosi yang mungkin datang dalam kehidupan manusia bila-bila masa. Keampuhan tarbiyah Ramadhan ini dimantapkan lagi dengan pelbagai ibadah sunat yang dilakukan ketika berpuasa pada siang hari dan malam harinya dalam bentuk tilawah dan tadabbur Al-Quran, zikir, ibadah solat sunat, sunnah sahur, sedekah dan sebagainya.

Amat beruntunglah hamba-hamba yang sentiasa berwaspada dalam melalui pakej ibadah Ramadhan ini sepenuhnya sehingga menjamin pula peluang mereka untuk memperoleh "bonus" istimewa yang hanya disediakan dalam bulan Ramadhan iaitu "Lailatul Qadar" yang ganjaran beribadah pada malam itu lebih baik dari beribadah selama seribu bulan (>83 tahun). Lebih beruntung lagi hamba-hamba yang mampu menjadikan Ramadhan sebagai lonjakan untuk memperoleh nilai taqwa pada bulan-bulan selanjutnya sehingga diberikan peluang untuk bertemu Ramadhan yang akan datang. "Wahai Ramadhan, hadirmu sentiasa kami intai, pergimu sentiasa kami cemburui". "Ya Allah, kurniakan kepada kami hamba-hambaMu yang hina ini, peluang untuk bertemu dengan Ramadhan yang akan datang, serta peliharalah agar kami sentiasa taat kepada segala perintahMu sehingga kami bertemu Ramadhan yang datang."

Selamat menjalani ibadah puasa, selamat menyambut Syawal, maaf zahir dan batin kepada semua pencinta dan penggiat dakwah khususnya kepada semua ahli dan kakitangan HIKMAH.

Dr. Haji Azhar bin Haji Ahmad

Bahagian Penerbitan HIKMAH mengalu-alukan sumbangan bahan dari pembaca yang berbentuk artikel, berita, gambar dan sebagainya untuk dimuatkan di dalam Warta HIKMAH. Setiap bahagian dan cawangan HIKMAH diminta agar dapat menghantar laporan tentang aktiviti-aktiviti dan program yang telah dijalankan di tempat masing-masing. Ahli-ahli HIKMAH yang berminat untuk menghantar sumbangan juga digalakkan. Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan atas tulisan yang dikirimkan selagi tidak merubah isinya. Segala sumbangan karya tidak semestinya mencerminkan pendirian dan sikap HIKMAH. Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan ataupun tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kehilangan karya yang dikirim melalui pos. Sebarang usaha untuk menerbitkan semula rencana atau mana-mana bahagian dari buletin ini hendaklah mendapat kebenaran dari Sidang Pengarang terlebih dahulu. Setiap sumbangan boleh dihantar terus kepada Bahagian Penerbitan HIKMAH.

Kursus Pembangunan Ibadah

MIRI:- HIKMAH Bahagian Miri dan Ahli Jawatankuasa Surau Al-Munir, Kampung Melayu Beluru, Bakong telah menganjur Kursus Pembangunan Ibadah pada 15 hingga 16 Jun lepas.

Kursus yang julung-julung kali diadakan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan.

Lebih 100 orang peserta terdiri daripada penduduk Kampung Melayu Beluru, pelajar SMK Bakong, SMK Luar Bandar Subis, SK Beluru Sentral dan penduduk Kampung Mohd. Taha, Jalan Simpang Empat Ladang Rimbunan Hijau, Baram telah mengikuti kursus tersebut.

Kursus dua hari itu telah berjaya mencapai objektif dan telah menarik minat setiap peserta untuk terus konsisten dan berharap program berkala yang dianjur bersama seperti ini akan dapat menggerakkan lebih ramai remaja dan penduduk kampung menyertainya di masa-masa akan datang.



Lawatan sambil belajar, seramai 18 orang ahli MAINS yang diketuai oleh Pemangku Setiausaha Encik Kamal Amran telah mengadakan lawatan sambil belajar di Ibu Pejabat HIKMAH.



Haji Abdul Rahman sedang menyampaikan sumbangan kepada Abdul Aziz atas kembalinya ayahanda beliau ke rahmatullah.



Ustazah Zaiton sedang menerima derma daripada Haji Abdul Rahman atas musibah yang menimpa beliau baru-baru ini.

Bengkel Kurikulum Guru Tadika HIKMAH

MUKAH: Bengkel Kurikulum Prasekolah untuk Guru-guru Tadika HIKMAH bagi Zon Tengah dan Zon Selatan telah diadakan di Kem Belia, Mukah baru-baru ini. Seramai 48 orang guru telah hadir dalam bengkel tersebut. Tadika yang terlibat adalah Tadika HIKMAH Kanowit, Sibu, Mukah, Bintulu, Miri, Lutong dan Lawas.

Sepanjang tiga hari kursus dijalankan berbagai acara telah diadakan. Antara lainnya ialah ceramah, kuliah subuh, kuliah maghrib, bengkel, riadah dan sukaneka. Turut menjadi penceramah jemputan kursus adalah Pengurus Bahagian Pendidikan iaitu Prof. Dr. Abang Ahmad Reduan bin Abg. Awit.

Bengkel ini diadakan adalah bertujuan, antaranya:

- melengkapkan guru-guru dengan pengetahuan berkaitan dengan pra sekolah;
- perkongsian ilmu dan pengalaman antara guru-guru;
- mengeratkan lagi silaturrahim.

Bengkel Kurikulum ini berakhiri dengan sidang pleno antara para peserta. Bahagian resolusi cadangan telah dibincang untuk memperbaiki program-program yang akan datang.

Yang Dipertua
dan

Ahli-ahli Majlis Tertinggi
serta warga kerja
HIKMAH
Sidang Redaksi Warta HIKMAH

mengucapkan

*Selamat Hari Raya
Aidilfitri
Maaf Zahir dan Batin*

Kepada
Semua ahli-ahli HIKMAH
dan
seluruh kaum Muslimin/Muslimat

Keistimewaan Zakat Fitrah

Oleh Haji Abang Mohamad Shibli Abang Mohamad Nailie
 Pengurus Besar Tabung Baitulmal Sarawak
 (merangkap Bendahari Kehormat HIKMAH)

Zakat Fitrah diwajibkan pada Ramadhan kerana Allah mengistimewakan Ramadhan sebagai “bulan toleransi dan perpaduan” di antara kaya dan miskin. Kewajipan membayar zakat fitrah merupakan bukti bahawa umat Islam perlu hidup bertolak ansur dan bersatu padu tanpa membezakan status ekonomi, keturunan, pendidikan dan kadar ketakwaan.

Orang Islam difardhukan berpuasa bagi membolehkan mereka merasa keperitan hidup orang miskin. Fitrah semulajadi manusia, apabila melihat kesusahan orang lain, timbul rasa simpati, sedih dan ingin membantu. Perasaan ini datang ke hati spontan tanpa difikir-fikirkan. Rasa simpati ini dibuktikan dengan kesediaan mereka membayar zakat fitrah.

Zakat Fitrah ini juga membersihkan hati daripada sifat mementingkan diri. Si pemberi zakat fitrah tidak lagi bersifat tamak dan pentingkan kesenangan diri tanpa menghiraukan kesusahan orang lain. Justeru ia menjalinkan ingatan kasih sayang sesama umat Islam kerana ia berupa interaksi yang saling faham-memahami. Pengeluar zakat fitrah sedar ada insan lain yang akan bersedih dan dengan adanya sumbangan yang sedikit itu, Insya Allah boleh menggembirakan mereka menyambut hari raya. Dengan kasih sayang penerima mendoakan agar rahmat berlipatganda kepada pemberi zakat fitrah.



Haji Abang Mohamad Shibli.

Menyuci Orang Berpuasa

Zakat Fitrah disyariatkan untuk membersihkan diri orang yang berpuasa dan menjadi makanan kepada orang yang miskin. Hal ini dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan Abu Daud dari Ibnu Abbas, katanya bermaksud: “Rasulullah menentukan wajibnya zakat fitrah untuk membersihkan orang yang mengerjakan puasa daripada perkataan yang sia-sia dan perkataan yang buruk dan juga untuk menjadi makanan orang miskin. Oleh itu sesiapa yang menunaikannya sebelum sembahyang hari raya maka jadilah ia zakat fitrah yang makbul, dan sesiapa yang menunaikannya sesudah sembahyang hari raya, maka jadilah ia sedekah biasa seperti sedekah sunat yang lain.”

Tanggungjawab TBS

Sebagai badan yang dipertanggungjawab oleh Majlis Islam Sarawak dalam pengurusan zakat, Tabung Baitulmal Sarawak akan menyerahkan sejumlah peruntukan wang zakat fitrah kepada para amil, untuk diagihkan kepada golongan yang dikhususkan iaitu asnaf fakir/miskin.

Para amil yang dipilih oleh masyarakat setempat melalui jawatankuasa surau atau masjid dan diberi tauliah oleh

Majlis Islam Sarawak bertanggungjawab mengenal pasti fakir dan miskin di kawasan masing-masing.

Agihan wang tersebut merupakan satu amanah dan tanggungjawab untuk meringankan bebanan atau menampung sedikit keperluan fakir/miskin sempena menyambut Aidilfitri. Ianya juga untuk menggembirakan golongan tersebut di samping dapat mengelak mereka daripada melakukan perbuatan yang boleh merendahkan martabat mereka sebagaimana yang dituntut oleh syarak.

Tuntutan Hukum

Sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud: “Penuhilah kecukupan mereka daripada meminta-minta pada hari ini (I Syawal).” (Hadis riwayat Ibnu Umar)

Berdasarkan kepada hadis di atas, bahawa Rasulullah s.a.w. menyarankan agar golongan fakir/miskin dihulurkan bantuan supaya mereka tidak meminta-minta semasa menyambut Aidilfitri pada I Syawal. Dalam sebuah riwayat yang lain, Rasulullah s.a.w. melarang meminta-minta bagi sesiapa yang bercukupan. Ketika ditanya tentang batas kecukupannya itu, baginda menjawab “Yang cukup untuk makan pada siang dan malamnya.”

MUZAKARAH HELWA

Program Muzakarah Dakwah Helwa HIKMAH akhirnya telah berkampung di Pusat Latihan Sarawak (JAKIM), Telaga Air, Kuching, pada 1 hingga 3 September 2007. Program ini dilaksanakan seiringan dengan visi dan misi HIKMAH dalam memperkembangkan dakwah kepada masyarakat Islam bagi menyahut seruan dakwah ke arah "Amar Ma'ruf nahi mungkar". Untuk menjamin pencapaian matlamat program ini pihak Ahli Jawatankuasa HELWA telah menjemput ahli HIKMAH mewakili setiap cawangan sebagai peserta. Antara pengisian yang telah disampaikan iaitu Bengkel 1 "Pengenalan kepada Perancangan Strategik", Bengkel 2 "Rangkakerja Strategik", Bengkel 3 "Analisis SWOT", Bengkel 4 "Pelan Tindakan", Bengkel 5 "Contoh Perancangan Strategik" dan "Pembentangan Hasil Kerja". Kesemua bengkel tersebut telah dikendali oleh Prof. Madya Dr. Fatimah Bt Bujang.

Majlis Penutupan yang telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Fatimah Bt Bujang Pemangku Pengurus HELWA HIKMAH merangkap Ahli jawatankuasa Majlis Tertinggi HIKMAH telah memberi amanat beliau kepada peserta kursus agar setiap ilmu yang telah ambil hendaklah disampaikan kepada ahli-ahli HIKMAH yang lain agar dapat disampaikan kepada generasi seterusnya dalam dasar objektif sebenar program ini. Beliau mengucapkan tahniah dan syabas kepada peserta-peserta kursus yang hadir dan seterusnya dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa HELWA mewakili cawangan masing-masing. Antara Cawangan yang telah diwujudkan iaitu Sibu, Kanowit, Bintulu, Lawas, Kuching dan Simunjan. HELWA HIKMAH (induk) akan terus memantau untuk membantu cawangan tersebut untuk sama-sama dalam membantu memperkembangkan dakwah ke cawangan masing-masing.



Dr. Fatimah (tengah) sedang menyampaikan sijil kepada peserta muzakarah



Rahsia Wanita

'Rahsia Wanita' begitulah tajuk ceramah yang telah disampaikan oleh Puan Rahmah Khalid Nicol dalam program kesihatan wanita pada 14hb. Julai lepas di Dewan HIKMAH Petra Jaya, Kuching.

Seminar sehari itu anjuran HELWA HIKMAH dengan kerjasama Kolej Komuniti, Kuching, bertujuan untuk mendedahkan kepada ibu-ibu tentang amalan hidup sihat dan penjagaan kesihatan.

Seramai 40 orang wanita sekitar Kuching telah mengambil bahagian dalam program tersebut.



Kursus Latihan Kader & Muzakarah Dakwah HIKMAH

KUCHING: Kursus Latihan Kader dan Muzakarah Dakwah HIKMAH telah diadakan di Pusat Latihan Sarawak, Telaga Air, dekat Kuching pada 10 - 12 September, 2007 lalu.

Kursus dan muzakarah yang berlangsung selama tiga hari itu adalah anjuran bersama HIKMAH dan JAKIM telah membentang 3 kertas kerja masing-masingnya disampaikan oleh Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, bertajuk 'Petunjuk Dakwah'.

Ustaz Dr. Haji Azhar menyampaikan kertas kerja satu bertajuk 'Visi dan Misi HIKMAH'. Sementara itu Encik Abdul Jalil Bujang dengan kertas kerjanya "perancangan strategik".

Tazkirah, ceramah-ceramah, solat berjemaah dan berdialog adalah antara pengisian yang turut diadakan dalam kursus tersebut.



Dr. Haji Azhar sedang menyampaikan kertas kerjanya.



Ramadan Pedalaman (Kampung Saudara Kita)

Bahagian Dakwah HIKMAH telah mengadakan Program Ihya Ramadan di perkampungan Saudara Kita di pedalaman.

Program bertujuan untuk meningkatkan perasaan ukhuwah islamiah di kalangan masyarakat pedalaman dan warga kerja HIKMAH di samping dapat mendidik, memupuk minat dan perasaan suasana berbuka puasa, sembahyang terawih, bertadarus di perkampungan yang dikunjungi.

Antara pengisian dalam program tersebut ialah doa-doа, tahlil, tazkirah, ikrar jamice solat waktu, terawih dan bertadrus.

Pada Ramadan kali ini 10 buah perkampungan saudara kita di pedalaman telah dilawati, antaranya Surau Darul Hidayah, Jangkar, Kampung Kandie, Lundu, Kampung Padaun Bawah, Belimbin dan Kampung Opar Bau, Masjid An Nur, Kampung Sungai Buluh, Surau Al-Falah, Kampung Nyelitak Simunjan, Surau Gayau Jaya, Kampung Gayau Pantu, Surau Darul Huda, Kampung Tepoi, Surau Insan Jaya, Bengan dan Surau Kampung Kohon, Tebedu.


Sebahagian daripada program tersebut adalah anjuran bersama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM Sarawak).



Tazkirah Ramadan di Ensebang Jaya, Balai Ringin.



Ceramah Ramadan di Serayan, Lundu.



Solat Tarawih di Serayan, Lundu.



Berbuka puasa di Marindom, Lubok Antu.

Itsar Dan Keutamaannya

Oleh Ustaz Wan Yunus Wan Sait

وَيُنْصَرُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أُولَئِكَ هُمُ الصَّابِدُونَ
 ۚ وَالَّذِينَ تَبَوَّءُ الدَّارَ وَالْأَيْمَنَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُجْهَنَّمُ
 مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَحْدُثُونَ فِي صُدُورِهِمْ
 حَاجَةً مِّمَّا أَتَوْا وَيُؤْتَرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ
 وَلَوْكَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقَ شَعَّ نَفْسِهِ
 فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ
 ۖ

Aisyah r.a. berkata:

“Rasulullah s.a.w. tidak pernah kenyang selama tiga hari berturut-turut hingga meninggalkan dunia, pada hal kalau mahu kami boleh kenyang, tetapi kami mengutamakan orang lain atas diri kami.”

“Dan mereka mengutamakan (orang-orang Muhajirin) atas diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam kesusahan.” (al-Hasyr: 9)

Ketahuilah bahawa dermawan dan kekiran, masing-masing terbagi menjadi beberapa tingkatan. Tingkatan dermawan yang paling tinggi adalah itsar (mengutamakan orang lain), iaitu dermawan memberikan harta sekalipun diperlukan. Dermawan adalah ungkapan tentang memberikan sesuatu yang tidak diperlukannya, sedangkan lebih berat adalah memberi sesuatu tetapi sesuatu itu sangat diperlukan. Sebagaimana dermawan itu boleh mencapai puncaknya dengan memberikan sesuatu sekalipun sesuatu itu sangat diperlukan, demikian pula kekiran boleh mencapai pada tingkat bahawa ia kikir terhadap dirinya sendiri sekalipun sangat diperlukannya. Betapa banyak orang yang kikir yang memiliki harta lalu ketika sakit ia tidak mahu berobat, atau sangat menginginkan sesuatu tetapi kekiran telah menghalangnya untuk membayar harganya; seandainya percuma pasti ia akan segera memakannya. Orang ini kikir terhadap dirinya sendiri sekalipun ia sangat memerlukannya. Sedangkan orang lain mengutamakan orang lain berbanding dirinya sendiri sekalipun ia sendiri sangat memerlukannya.

Perhatikanlah perbezaan antara dua orang tersebut! Sesungguhnya akhlak adalah kurnia yang diberikan Allah kepada siapa saja yang dikehendakiNya. Setelah itsar tidak ada tingkatan dermawan lain di atasnya. Allah telah

berfirman memuji para sahabat r.a.: “Dan mereka mengutamakan (orang-orang Muhajirin) atas diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam kesusahan.” (al-Hasyr: 9)

Aisyah r.a. berkata: “Rasulullah s.a.w. tidak pernah kenyang selama tiga hari berturut-turut hingga meninggalkan dunia, pada hal kalau mahu kami boleh kenyang, tetapi kami mengutamakan orang lain atas diri kami.”

Rasulullah s.a.w. kedatangan seorang tetamu tetapi Beliau tidak memiliki sesuatu, kemudian ada seorang Anshar yang masuk menemuinya lalu ia membawa tetamu itu ke rumahnya, kemudian ia mengambil makanan dan memerintahkan isterinya agar mematikan lampu, lalu ia menjulurkan tangannya kepada makanan itu seolah-olah ia memakannya padahal tidak memakannya, sehingga tetamu itu makan. Keesokan harinya, Rasulullah s.a.w. bersabda kepadaanya: “Allah kagum kepada apa yang telah kamu perbuat malam tadi kepada tamu kamu.” Dan turunlah ayat: “Dan mereka mengutamakan (orang lain) atas diri mereka, sekalipun mereka dalam kesusahan.”

Itsar adalah tingkat kedermawanan yang paling tinggi, dan merupakan akhlaq Rasulullah s.a.w. sehingga Allah menamainya sangat agung: “Dan sungguh engkau berada di atas akhlaq yang sangat agung.” (al-Qalam: 4)

Renungan: Bagaimana Ramadhan Tahun ini?

Oleh: Dr. Hajah Sadiyah Mohd. Ali



Ramadhan telah menjelma lagi dan Syawal akan menyusul tak lama lagi. Begitu pantas masa berlalu.

Ada beberapa perkara yang perlu kita perhatikan disini. Bagaimana puasa kita? Adakah puasa kali ini telah berjaya memperbaiki tahap kesihatan kita seperti sepatutnya, atau sebaliknya?

Mari kita renung kembali apa yang telah kita amalkan sepanjang puasa ini. Kalau kita mengikut apa yang disarankan, dari aspek pilihan makanan, kuantitinya dan aktiviti sehari-hari, semestinya badan akan terasa ringan. Jika ada berat badan yang meningkat, bermakna jumlah makanan yang masuk ke dalam badan itu telah jauh melebihi keperluan untuk aktiviti. Ia menunjukkan satu kegagalan dalam mengawal cara pemakanan.

Cara pemakanan yang terbaik telah dianjurkan kepada kita melalui contoh yang paling baik iaitu, junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w.. Baginda telah menyarankan umatnya untuk melambatkan bersahur sehingga lewat waktu dan mempercepatkan berbuka sejurus selepas masuk waktunya. Dengan itu, jangkamasa berpuasa tidak perlu dilanjutkan melebihi hadnya. Allah Maha Mengetahui kemampuan hambaNya.

Salah satu lagi sunnah Rasulullah s.a.w. iaitu memulakan berbuka dengan memakan kurma adalah supaya kita boleh mendapat sumber gula dengan cepat selepas sehari suntuk terputus bekalan. Apabila tahap gula mulai meningkat dan dikesan oleh otak, maka rangsangan untuk makan secara berlebihan akan dapat dikawal. Hatta, kecenderungan untuk gelojoh makan pelbagai jenis juadah berbuka itu akan dengan mudah dielakkan.

Seperkara lagi yang berlaku hanya di bulan Ramadhan, ialah solat tarawih. Ia boleh dianggap sebagai senaman ringan di mana berlakunya penggunaan tenaga ekstra, melalui pembakaran tenaga dari apa yang telah diambil semasa berbuka sebelumnya. Dengan itu, tidak akan berlaku longgokan bekalan tenaga yang akan berubah menjadi lemak jika tidak digunakan.

Perjuangan melawan hawa nafsu tidak berakhir dengan perginya Ramadhan meninggalkan kita. Seharusnya, latihan yang kita lakukan sepanjang berpuasa itu diteruskan kerana godaan yang lebih banyak menanti kita dengan tibanya Syawal. Dengan berbekalkan semangat yang cekal dan iman yang tegar berkat amalan yang menebal sepanjang sebulan berpuasa dan berpesta ibadah, insyaAllah kita akan mampu melaluinya.

Mudah-mudahan, dengan melaksanakan sunnah-sunnah Rasulullah s.a.w., kita akan dapat merasai manfaatnya secara fizikal dan berharapan mendapat balasan ganjaran pahala seperti yang telah Allah janjikan. Amin.



Puasa

Oleh Ustaz Wan Yunus Wan Sait

Puasa dalam Bahasa Arab disebut "Shoum" ertinya menahan. Maka berpuasa diertikan menahan diri dari makan, minum, senggama dan keinginan-keinginan nafsu lainnya dalam masa tertentu dan syarat-syarat tertentu. Masanya adalah selama dalam bulan Ramadhan Al Mubarak.

Seperti mana yang kita ketahui bahawa puasa adalah satu ibadah yang khusus untuk Allah SWT. Ini bukan bererti ibadah yang lain bukan untuk Allah SWT, tapi dinilai dari segi pahalanya sangat berbeza dengan ibadah yang lainnya. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

yang bermaksud:

"Semua amal anak Adam itu dilipatgandakan pahalanya dari sepuluh sampai tujuh ratus kali ganda, berkata Allah, kecuali puasa maka dia adalah untuk Ku dan Aku akan membalaunya sekehendakKu." HR Muslim

Allah SWT menyatakan, bahawa tujuan puasa ialah untuk mendidik (melatih) manusia agar menjadi hamba-Nya yang bertakwa. H Agus Salim mengertikan takwa dengan berhati-hati, iaitu berhati melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menghentikan laranganNya, sebagaimana difirmankan Allah SWT:

yang bermaksud:

"Hai orang yang beriman diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu, semoga kamu menjadi orang yang bertakwa."

Al-Baqorah: 183

Di antara kelebihan lain bagi orang yang berpuasa ialah:

- Menguasai emosi dan akal, atau untuk mendahulukan kehendak Tuhan atas kehendak emosi dan akal. Emosi sudah terang menuntut pemuasan nafsu asli. Nafsu asli ini antara lain makan, minum untuk mempertahankan hidup dan senggama untuk melangsungkan hidup.

Akal dengan logika dan objektivitinya berkata, bahawa manusia yang lapar dan haus, harus makan dan minum, tetapi Tuhan menghendaki ketika berpuasa itu tidak boleh makan dan minum. Maka manusia yang berpuasa bererti memenangkan Tuhan dan mengalahkan emosi dan akalnya.

Kerana itu orang yang berpuasa akan terlatih dirinya mendahulukan kehendak Tuhan atas kehendak emosi dan akalnya. Apalagi puasa ini dilaksanakan secara terus menerus selama sebulan penuh, ibarat orang yang berlatih suatu keterampilan, kalau dilakukan secara terus menerus dalam waktu tertentu, tentu akan menjadi mahir.

Cuba kita perhatikan orang yang berpuasa itu, walaupun perutnya lapar, dan dia bersendirian di rumah serta makanan ada pula tersedia, namun dia lebih muhlu lapar, kerana begitu kehendak Tuhan.

- Menanamkan sifat suka menolong manusia yang susah. Dengan puasa, seseorang dapat merasakan betapa hebatnya penderitaan lapar yang sedang ditanggung oleh manusia yang susah itu. Jadi dengan puasa bererti seseorang diperintahkan untuk menyamakan diri mereka kepada orang-orang yang susah.

Hal ini adalah perlu supaya tertanam rasa simpati kepada mereka, kerana hampir seluruh kesengsaraan dan derita yang ditanggung oleh umat manusia ditimbulkan oleh kelaparan. Cuba renungkan apa yang akan dapat dilakukan oleh orang yang lapar, sebab itu kepada pihak ini, rasa simpati dan identifikasi harus lebih besar dan lebih banyak ditujukan. Dan kerana itulah Al-Quran mengecam orang-orang yang tidak punya rasa simpati dan identifikasi terhadap golongan ini sebagai pendusta-pendusta agama, sebagaimana firmanNya dalam surah Al-Ma'un :1-3;


yang bermaksud:

"Tahukan kamu (orang) yang mendustakan agama? Itulah orang yang mengherdik anak yatim dan tidak menganjurkan memberi makan orang miskin."

Kemakmuran adalah kesejahteraan bersama. Menciptakan kemakmuran adalah tugas hidup manusia yang diterimanya dari Tuhannya. Tetapi kerana manusia sering diselewengkan oleh pengganggu-pengganggunya dalam melaksanakan tugas hidup tersebut, maka dia harus dibina agar dapat menghadapi pengganggu-pengganggu ini dan tugas hidup terlaksana sebagaimana semestinya.



Warga kerja HIKMAH sedang mendengar Tazkirah.



Kakitangan Ibu Pejabat HIKMAH sedang bertadrus.

Kursus Jenazah Dan Kursus Penyelenggaraan Jenazah

MIRI: - Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Tingkatan 4 dan 5 mendapat ilmu baru apabila seramai 120 orang pelajar lelaki dan perempuan termasuk guru-guru dan tenaga kerja sekolah telah berpeluang menghadiri Kursus Pengurusan dan Penyelenggaraan Jenazah pada 14hb. Julai baru-baru ini.

Kursus satu hari itu anjuran bersama HIKMAH Cawangan Miri, SMK Dato Permaisuri Miri, Badan Kebajikan Islam, Miri (Badan Khairat Kematian) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Unit Miri.

Kursus yang diadakan di SMK Dato Permaisuri telah dikendalikan oleh seramai 9 orang peguruz mayat (pegaie) yang memimpin secara amali.

Yang Dipertua SMK Dato Permaisuri, Miri, Encik Awang Omar bin Awang Yahya telah menyempurnakan penutupan rasmi dan penyampaian sijil kepada peserta kursus. Turut hadir ialah Tuan Haji Abdul Rahman Fadzail, Naib Yang Dipertua HIKMAH.

Ceramah Untuk Ibu-Ibu

SRI AMAN:- HIKMAH Bahagian Sri Aman telah mengadakan ceramah khas untuk ibu-ibu bertempat di masjid lama, Kampung Tengah Sri Aman pada 13hb. Julai lalu.

Ceramah yang memfokus peranan ibu-ibu dalam mendidik anak-anak dan tanggungjawab ibu-ibu menurut Islam.

Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Ustaz Syarifudin bin Ahmad dari S.K. Skrang.

Seramai lebih 40 orang ibu-ibu sekitar Sri Aman telah menghadiri ceramah tersebut.

Sementara itu Kelab Remaja HIKMAH Sri Aman mengadakan pertandingan mewarna sempena 50 Tahun Malaysia Merdeka pada 30 Ogos lalu.

Seramai lebih kurang 20 anak-anak telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

130 Pelajar Hayati Ramadhan

KUCHING:- Seramai 130 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah sekitar Bandaraya Kuching telah mengikuti Program Ihya Ramadhan selama dua hari bermula pada 29 – 30 September, 2007 yang bertempat di Masjid At-Takwa, Kampung Pinang Jaya, Petra Jaya, Kuching.

Program Pembangunan Remaja Ramadhan adalah anjuran HIKMAH Cawangan Kuching dan Petra Jaya, program ini adalah sebahagian daripada aktiviti HIKMAH dalam menyambut bulan Ramadhan al-Mubarak pada tahun ini.

Pengisian program, antaranya ialah solat terawih berjemaah bersama masyarakat Kampung Pinang Jawa, ceramah, tazkirah, bengkel dan qiamulail dan majlis berbuka dan bersahur beramai-ramai.

Antara sekolah yang mengambil bahagian ialah Kolej Abdillah, SMK Petra Jaya, SMK Bandar Baru Semariang, St. Joseph, St. Mary, SMK Openg, SMK Teknik dan Sejingkat.

Kursus INTI Lutong

MIRI: Naib Yang Dipertua HIKMAH, Tuan Haji Abdul Rahman Fadzail telah merasmikan penutupan rasmi Kursus Intensif Islam (INTI) 2007).

Dalam ucapannya, Tuan Haji Abdul Rahman menyeru para peserta supaya bergiat aktif dalam program-program yang bermanfaat agar membina diri menjadi muslim yang sejati.

Seramai 36 orang pelajar-pelajar tingkatan 4 dan 5 terdiri dari sekolah-sekolah SMK Merbau, SMK Sains Miri, Kolej Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang, SMK Pujut, SMK Datuk Permaisuri, SMK Lutong dan

PERYATIM Miri telah menghadiri kursus tersebut yang diadakan di Institut Latihan Perindustrian Miri, di Bandar Baru Permaiijaya, Miri.

Kursus INTI adalah anjuran HIKMAH Cawangan Lutong.



DAIE LENGKAPKAN DIRI JIKA BERDAKWAH

KUCHING: Daie-daie harus melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan demi untuk mempertingkatkan metologi berdakwah, kerana musuh-musuh kita sentiasa mencari peluang atas kelemahan kita. Dari itu kita harus mencari jalan untuk memperbaiki diri kita ke arah mempertingkatkan ilmu itu.

Timbalan Yang Dipertua HIKMAH, Tuan Haji Ahmad Sazali berkata demikian ketika merasmikan penutupan kursus-kader Dakwah dan Muzakarah Dakwah, anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Cawangan Sarawak dan HIKMAH pada 10 – 12 September di Pusat Latihan Sarawak, Telaga Air, dekat Kuching.

Pada hari ini impak yang sangat besar yang menimpa umat Islam adalah 11 September, di mana kita umat Islam dianggap penganas.

Maka situasi seperti ini telah menjadi alasan untuk mereka menjatuhkan kita. Dari itu kita harus kembali kepada agama Allah dan risalah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

Kalau kita membawa risalah tersebut kita akan dapat menepis apa jua cemuh mahu pun penghinaan, dari itu kita harus meniru akhlak yang ada pada baginda itu saja yang dapat mempertahankan Islam, agama Allah ini bukan seperti yang mereka katakan.

Dari itu, daie-daie harus memainkan peranan yang penting



Haji Ahmad Sazali menyampaikan sijil kepada peserta kursus.

mencontohi akhlak dan sifat amanah Rasulullah dalam menjalankan kerja-kerja dakwah.

Dengan mencontohi sifat tersebut akan memudahkan kerja-kerja dakwah kita tegas beliau.

Beliau berharap daie-daie memantapkan keimanan, menampakkan sifat-sifat amanah dan mempunyai hubungan yang baik, kalau berceramah kita harus membayangkan apa yang kita ceramah.

Beliau berkata jika ada kekurangan dalam menyibarkan agama Islam ini, kita kena belajar untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan ini dalam apa jua bidang untuk mengatas kekurangan itu.

Kita kena belajar, kerana kita akan menyebar dan mengajar orang lain dalam ilmu tersebut. Kita jangan menipu diri sendiri atas kekurangan itu, tegas beliau.

Beliau berharap kerjasama yang terjalin dengan baik selama ini dengan JAKIM, JAIS dan PERKIM dan dapat dipertingkatkan lagi supaya kerja-kerja dakwah ini dapat meringankan semua pihak.

Tuan Haji Ahmad Sazali berkata kita harus mengikis kesombongan kita dalam menjalankan kerja-kerja dakwah ini.



IMAM MUDA CHINA KUNJUNGI HIKMAH

Seramai 30 ahli persatuan Gunazi, majoriti mereka terdiri daripada Imam muda dari pelbagai wilayah di negeri China yang diketuai Setiausaha Agungnya Dr. Haji Wang Young Bao berkunjung ke HIKMAH baru-baru ini.

Ketika di HIKMAH rombongan diberi taklimat tentang sejarah pertubuhan HIKMAH oleh Ustaz Haji Bahruddin Mansur.

Mereka dalam rangka lawatan 5 hari ke Sarawak dan turut berkunjung ke Miri, Bintulu, Sibu dan Kuching.

Lawatan bertujuan untuk mengeratkan lagi tali silaturrahim antara Muslim di China dengan penduduk Sarawak.

